

27 OCT 2003

MAHATHIR-MIMOS (Bergambar)

DR MAHATHIR DIBERI PENERANGAN MENGENAI TEKNOLOGI TERBARU INTERNET

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini diberi penerangan mengenai teknologi terbaru yang dihasilkan di negara ini iaitu Internet Protocol Version 6 (IPv6) semasa mengadakan lawatan selama dua jam ke MIMOS Berhad di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah diberi penerangan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad Tengku Azzman Shariffadeen mengenai hasil kajian yang telah dijalankan bersama oleh Jaring, MIMOS dan NTT MSC Sdn Bhd untuk menghasilkan IPv6 yang merupakan generasi protokol masa depan bagi menggantikan versi prokotel internet pada masa ini iaitu Versi 4 yang telah digunakan sejak 20 tahun lepas.

Tengku Azzman ketika bercakap kepada pemberita selepas lawatan Perdana Menteri berkata Dr Mahathir yang telah diberi penerangan mengenai perkembangan internet dari segi teknologi dan faedahnya ke atas pengguna internet telah melahirkan rasa puas hatinya dengan usaha yang telah dijalankan oleh MIMOS sebagai badan yang diberi tanggungjawab menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) negara.

"Antara topik lain yang dibincangkan ialah bagaimana Malaysia dapat meraih faedah dan keuntungan yang tinggi melalui penggunaan internet yang lebih bijak," katanya.

Tengku Azzman berkata tekanan yang telah diberikan ialah pada perkembangan teknologi internet yang berterusan dan mengenai teknologi baru iaitu IPv6.

Beliau berkata melalui IPv6 ini, setiap individu dalam dunia boleh mendapat alamat internet masing-masing berbanding IPv4 yang tidak dapat memberi perkhidmatan yang sama dengan IPv6 ini yang dapat menggalakkan lebih ramai masyarakat umum menggunakan internet.

MIMOS yang pada mulanya ditubuhkan sebagai Institut Mikroelektronik Malaysia pada tahun 1985 telah dikorporatkan pada tahun 1996 sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab untuk menjalankan R&D dalam bidang ICT serta sebagai penasihat kepada kerajaan dalam bidang teknologi, polisi dan strategi pembangunan ICT negara.

Pada tahun 1995, MIMOS juga telah dilantik sebagai urusetia kepada Majlis Teknologi Maklumat negara. -- BERNAMA

HK SSA AA